

Bahagian A

(40 markah)

Jawab **semua** soalan.

1

Amboi, amboi, adat tiruan, resam terpaksa!
Umpama gajah menjadi rusa;
Oleh ragi campuran bangsa,
Adab tertib habis binasa!

Dipetik daripada Puisi Tradisional dalam antologi *Nilai Insan*Berikan **dua** gaya bahasa berserta contoh berdasarkan petikan puisi di atas. [4 markah]

2

Bunga-bunga pun dihargai
kerana kelenturan ranting
meranggas dan meninggi.

Orang selalu mengingat bayu
yang terasa dan tak berupa
unggas pun selalu menyanyikan madu
yang terpetik daripada sari bunga.

Dipetik daripada sajak *Ranting*, oleh Hilmi RinduNyatakan **empat** bentuk sajak yang terdapat dalam petikan sajak di atas. [4 markah]

3

Antara puteri tawanan yang ditaruh dalam kota batu itu ialah seorang puteri rupawan yang tidak diketahui negeri asalnya bernama Raden Puspa Kencana. Tetapi Sang Nata dan Permaisuri menggelarnya Ken Tambohan. Pada masa itu, Ken Tambohan berumur empat belas tahun. Baginda Sang Nata dan Permaisuri sangat sayang kepadanya kerana dialah yang cantik sekali antara puteri tawanan itu.

Dipetik daripada *Sastera Panji, Raden Puspa Kencana*Senaraikan **empat** perwatakan Ken Tambohan yang terdapat dalam petikan prosa tradisional tersebut.

[4 markah]

4

ANNA: Ya, aku cepat putus asa. Tapi putus asaku ini bukannya puncunya daripada engkau juga?

ZAKI: Anna, cuba lebih realistik lagi, Anna. Fahamkan kedudukanku... .

ANNA (*melangkah ke sudut kiri mengucapkan dengan kuat*): Realistik? Aku kira apa yang kubuat ini adalah realistik. Bukankah aku ada hak untuk memilih? Hak inilah yang kugunakan.

Dipetik daripada drama *Anna*, karya Kemala

Nyatakan **dua** ciri drama berserta contoh dalam petikan drama di atas.

[4 markah]

5

Tiga bulan lalu, dia isteri seorang pemimpin yang disegani. Dia berkelakuan mengikut protokol. Pakaian mesti begini dan begitu. Cara jalannya mesti begini dan begitu. Apabila bersalaman, jangan genggam erat, tapak tangan mesti turus dan sentuh sedikit sahaja tapak tangan orang yang bersalaman dengannya. Jangan seperti wanita-wanita lain. Apabila bersalam, digenggam erat seluruh tapak tangan sehingga terasa ke hati.

Dipetik daripada cerpen *Perspektif*, oleh NF Abdul Manaf

Nyatakan **dua** gaya bahasa berserta contoh yang terdapat dalam petikan cerpen di atas.

[4 markah]

6

Kedua-dua bongkah aisberg itu akan ditambat di Teluk Pinavana, tidak di tempat lain. Aisberg yang sampai dahulu akan dipotong dan diangkut dahulu. Oleh sebab kuantitinya yang besar, beberapa bongkah akan didaratkan serta-merta di kawasan pelabuhan. Bongkah-bongkah khas itu akan dipotong kecil-kecil dan rakyat Ogonshoto bolehlah membawanya pulang ke rumah masing-masing. Rakyat dijangka akan menyerbu. Jadi, tempat pendaratan itu sudah dikenal pasti. Pihak tentera akan dikerah berkawal dan menentukan rakyat mesti berbaris mengikut giliran. Setiap orang boleh membawa pulang ais potong mengikut saiz yang terdaya dibawa dengan basikal atau motosikal, tetapi tidak dengan lori kecil, apatah lagi dengan lori besar.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*, oleh Anwar Ridhwan

Nyatakan **dua** contoh teknik imbas muka yang terdapat dalam petikan novel di atas.

[4 markah]

7

Maka budak itu pun berjalanlah masuk ke dalam kota itu, lalu ke hadapan balai raja sekali. Setelah segala raja dan orang besar-besar sekalian melihat kelakuan budak itu, maka semuanya pun hairanlah melihatnya rupa anak naga itu, terlalulah hebatnya melihat anak naga itu. Seketika budak itu bermain-main maka hari pun hampirlah akan malam. Maka budak itu pun hendak bermohon pulang ke rumahnya. Maka baginda pun memberi kurnia akan budak miskin itu sahaya dua orang beserta pulak dengan kain dan baju serta beras padi terlalulah banyaknya dan segala raja dan orang besar-besar itu pun memberi kurnia kepada budak itu, masing-masing dengan kadarnya.

Dipetik daripada Sastera Hikayat; *Hikayat Parang Puting*

Nyatakan **satu** pengajaran berserta contoh yang terdapat dalam petikan prosa tradisional tersebut. [4 markah]

8

MAT PIAH: Apa? Jadi sejarah Pulau Pinang yang saya hafal tu tak betulah?

BLACKWAY: Tak betul. Sama sekali tak betul. Light menipu Sultan Abdullah supaya serahkan ini *Puloo* Pinang sama Inggeris. Inggeris mahu ini *Puloo* Pinang untuk dijadikan pelabuhan persinggahan antara Barat dengan Timur supaya urusan perdagangan Inggeris dengan China boleh diteruskan dengan adanya pelabuhan entrepot seperti *Puloo* Pinang ini. Di samping itu, Inggeris boleh mengaut hasil emas, biji timah, perak daripada Tanah Melayu.

MAT PIAH: Jadi, Francis Light bukan peneroka Pulau Pinang?

Dipetik daripada drama *Mat Piah dan Mr. Blackway*, oleh Mahizan Hussin

Berdasarkan petikan drama di atas, nyatakan **satu** unsur patriotisme berserta contoh yang terdapat pada watak Mat Piah. [4 markah]

9

Jika mereka mempersoalkan atau membantah cadangannya, penduduk dan seluruh anggota keluarga tersebut akan disenaraihitamkan sebagai pembangkang. Itulah padah yang diterima oleh Sahat selama ini. Sahat dianggap oleh Penghulu Sudin sebagai duri dalam daging. Penghulu Sudin telah berusaha sedaya upaya untuk menyingkirkan Sahat daripada arus perdana dan segala aktiviti di Kampung Kuah.

Dipetik daripada cerpen *Bukit Emas*, oleh Mufidah Hanum Yusuf

Berdasarkan petikan tersebut, jelaskan **satu** pandangan anda terhadap perwatakan Penghulu Sudin. [4 markah]

10

Biarlah air yang mengewap ini, seperti juga kemarau, mencabarnya. Dia akan menyambut cabaran-cabaran itu demi air. Biarlah dia berulang-alik seribu kali ke pantai mengambil air laut. Biarlah dia mencari kayu api seribu puntung lagi. Biarlah dia menunggu di tepi unggun dapur seribu jam lagi. Tujuh tong air ini mesti penuh juga akhirnya.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*, oleh Anwar Ridhwan

Huraikan **dua** keperibadian unggul watak 'dia' yang terdapat dalam petikan novel tersebut. [4 markah]

Bahagian B(60 *markah*)Pilih **3** daripada **6** soalan

- 11** *Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Wanita dan Laut

Wanita ialah laut
Tenang bermandi cahaya siang
Sesekali menggempur ruang
Melambung perasaan.

Dan
Santun berteman kegelapan malam
Sesebenar memercik sinar
Mengayun dendam.

Dan
Indah bertentangan wajah
Kerap memeram, resah tersembunyi
Memerap misteri.

Wanita, laut itu indah
Bersuara lantang dalam bisu
Diam berkaca dalam bicara
Adakala tak tertafsir erti
Adakala gah mengulum gua sepi.

Dan
Asin dan tawarnya bertempat
Iltizamnya membara hakikat
Kasih setianya tak bertakah
Peribadi amanah, cendekia, berhemah.

Wanita, ibuku
Kakakku, nenekku dan aku
Anugerah-Nya yang istimewa amat
Untuk umat sejagat.

(Rumah Rindu, TPJ)
Mahaya Mohd. Yassin
Pohon Tradisi, 2012
Gapeniaga Sdn. Bhd.

- (a) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]
- (b) Jelaskan **empat** gaya bahasa yang terdapat dalam sajak tersebut. [8 markah]
- (c) Cipta sebuah sajak bertemakan **pengorbanan**. Sajak tersebut hendaklah **antara 12 hingga 15 baris**. [8 markah]

12 Berdasarkan cerpen *Kami Akan Mati*, Lin karya Saroja Theary Balakrishnan:

- (a) Jelaskan **dua** nilai murni yang terdapat dalam cerpen tersebut. [4 markah]
- (b) Huraikan **dua** isu masyarakat yang terdapat dalam cerpen tersebut. [8 markah]
- (c) Berdasarkan cerpen tersebut, **adaptasi karya tersebut menjadi dua rangkap pantun empat kerat**. [8 markah]

13 Berdasarkan drama *Anna* karya Kemala:

- (a) Huraikan **pemikiran** drama Anna. [4 markah]
- (b) Berdasarkan keseluruhan drama, Anna digambarkan sebagai seorang yang mengalami pergolakan rumah tangga.
Huraikan **dua** saranan yang perlu dilakukan oleh Anna dalam menangani situasi berkenaan. [8 markah]

ANNA: Rumah tangga kita tiba pada nafasnya yang akhir. Aku kira susah hendak diselamatkan lagi.

ZAKI: Anna, apa yang kau katakan ini?

- (c) Berdasarkan kreativiti anda, sambung petikan dialog di atas supaya menjadi skrip drama yang mengandungi **enam hingga lapan** dialog. [8 markah]

- 14 Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Gurindam Dua Belas

(Fasal Ketiga dan Fasal Kelima)

Fasal Kelima:

Jika hendak mengenal orang yang berbangsa,
lihat kepada budi bahasa.

Jika hendak mengenal orang yang berbahagia,
sangat memeliharakan yang sia-sia.

Jika hendak mengenal orang yang mulia,
lihatlah kepada kelakuan ia.

Jika hendak mengenal orang berakal,
di dalam dunia mengambil bekal.

Jika hendak mengenal orang yang baik perangai,
lihat pada ketika bercampur dengan orang ramai.

Md. Yusuf Mohd Nor
Puisi Melayu Tradisi, 1996
Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd

- (a) Jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam petikan puisi tradisional tersebut. [4 markah]
- (b) Huraikan **empat** bentuk gurindam di atas. [8 markah]
- (c) Cipta **empat** rangkap gurindam bertemakan **akhlak mulia**. [8 markah]

- 15 Berdasarkan *Sastera Epik* dalam antologi Nilai Insan:

- (a) Huraikan **empat** unsur sejarah dalam *Sastera Epik*. [8 markah]
- (b) Huraikan **tiga** ciri kepemimpinan watak Phra Chau yang terdapat dalam prosa tradisional tersebut. [12 markah]

16 Berdasarkan novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan, Sasterawan Negara:

“Ya,” dia menjawab. “Semua orang ada berbuat silap. Itu perkara biasa. Perlukah sampai memuatkan iklan sebesar ini dalam akhbar?” Kemudian dia melipatkan akhbar sebelum meletakkan akhbar itu di tepi kakinya.

“Kerana kesilapannya pun besar, barangkali,” sambung pemandu teksi sambil tersenyum. Pencungkil gigi ditolak ke sudut bibir sebelah kiri.

“Begitu?”

“Kamu tak tahu,” jawab pemandu teksi sambil menoleh ke belakang. “Sejak dua minggu lalu, dia sakit dan meracau. Ramai orang pergi ke rumahnya, para tetangga dan kenalannya, dan orang lain yang kemudian mendengar cerita tentangnya.”

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*, oleh Anwar Ridhwan

- (a) Nyatakan **satu** sudut pandangan berserta **tiga** contoh yang terdapat dalam petikan novel tersebut. [4 markah]
- (b) Huraikan **dua** teknik plot yang terdapat dalam petikan novel tersebut. [8 markah]
- (c) Berdasarkan kreativiti anda, sambung petikan novel di atas supaya menjadi sebuah cerita yang lengkap. Panjang sambungan petikan novel hendaklah **antara 80 hingga 100 patah perkataan**. [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT